

WPKL-BKP(G)-AK5 : CARA MENGGUNA DAN MENYELENGGARA ALAT-ALAT PERGIGIAN

ULTRASONIC CLEANER	
TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
Juruterapi Pergigian (JP)/ Pembantu Pembedahan Pergigian (PPP)/ Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK)	<p>A. CARAGUNA</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Sediakan larutan yang sesuai serta mencukupi dan masukkan ke dalam takungan <i>ultrasonic cleaner</i> 2. Cuci perkakas / peralatan. 3. Masukkan peralatan / perkakas ke dalam bakul <i>ultrasonic cleaner</i>. Bikar yang disediakan boleh digunakan untuk peralatan / perkakas kecil. 4. Pastikan peralatan / perkakas tenggelam dalam larutan. 5. Tutupkan takungan <i>ultrasonic cleaner</i>. 6. Hidupkan suis <i>ultrasonic cleaner</i>, mulakan pembersihan dengan memilih masa pembersihan antara 5-15 minit mengikut tahap kekotoran yang ada pada peralatan. 7. Apabila selesai pembersihan, keluarkan peralatan / perkakas dan cuci dengan air paip yang mengalir. 8. Perkakas / peralatan sedia untuk disteril ataupun didisinfeksi.
PPP/PPK yang bertanggungjawab	<p>B. PENYEDIAAN LARUTAN <i>ULTRASONIC CLEANER</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Sediakan larutan mengikut arahan pengeluaran .
PPP/PPK yang bertanggungjawab	<p>C. PENYELENGGARAAN</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Gunakan larutan baru setiap minggu. Tukar larutan jika perlu (bila keruh / berubah warna) walaupun baru digunakan . 2. Pembuangan larutan kotor / berubah warna kedalam sinki dengan mengalirkan air paip.

UNIT PENSKALERAN	
TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
JP/PPP/PPK	<p>A. CARAGUNA</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pasang paip air ke <i>water inlet</i> di unit dental. Jika <i>water pump</i> digunakan, langkah ini tidak perlu. 2. Pasang <i>plug</i>, <i>On</i> suis utama dan unit. 3. Pasangkan <i>scaler tip</i>. 4. Pilih <i>power</i> dan semburan air dengan memutar <i>knob</i>. 5. Tekan <i>foot pedal</i> untuk memulakan gegaran. 6. Tukar dan sterilkan <i>scaler tip</i> dalam autoklaf selepas setiap pesakit. Disinfeksi bahagian pemegang hanpis penskaleran. 7. Setelah selesai rawatan, <i>Off</i> suis unit dan suis utama. Untuk cara penggunaan unit penskaleran, rujuk buku manual alat berkenaan
PPP/PPK yang bertanggungjawab	<p>B. PENYELENGGARAAN</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Disinfeksi bahagian pemegang hanpis penskaleran sebelum rawatan, antara pesakit dan selepas rawatan. 2. Autoklaf <i>scaler handpiece</i> setiap hari (didalam <i>pouch</i> dan autoklaf vakum sahaja) dan sanitasi unit penskaleran.

WPKL-BKP(G)-AK5 : CARA MENGGUNA DAN MENYELENGGARA ALAT-ALAT PERGIGIAN

MIKROMOTOR	
TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
Pegawai Pergigian (PP) / Juruteknologi Pergigian (JT)v/JP/PPP/ PPK	<p>A. CARAGUNA</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pasang <i>cabel foot control</i> dan motor ke unit. 2. Sambung kabel hanpis ke hadapan unit. 3. Sambung <i>plug</i> unit ke power point dan <i>On</i> suis. 4. Pasang hanpis dan bur. 5. <i>On</i> suis mikromotor. 6. Pilih butang <i>FORW/REV</i> untuk pusingan bur <i>clockwise</i> atau anti 7. <i>clockwise</i>. 8. Pilih kelajuan. 9. Tekan <i>Foot Control</i> mikromotor untuk jalankan hanpis. 10. Hentikan mikromotor buat seketika untuk mengelakkan handpis menjadi terlalu panas. 11. <i>Off</i> suis mikromotor apabila selesai rawatan. 12. Rujuk Buku Manual Mikromotor.

WPKL-BKP(G)-AK5 : CARA MENGGUNA DAN MENYELENGGARA ALAT-ALAT PERGIGIAN

HANPIS (HANDPIECE)	
TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
PP/JP/PPP/PPK	<p>A. CARAGUNA</p> <p>Diantara Setiap Pesakit</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Jalankan hanpis dan pastikan air keluar beberapa saat. (Untuk hanpis kelajuan tinggi sahaja) 2. Keluarkan bur dan rendam dalam larutan disinfektan yang dibekalkan. 3. Disinfeksi (lapkan) dengan <i>disinfecting wipes</i>
PP/JT/JP/PPP/PPK	<p>B. PENYELENGGARAAN</p> <p>Selepas Rawatan Pesakit Terakhir</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Jalankan hanpis dan pastikan air keluar selama 10-20 saat. (Untuk hanpis kelajuan tinggi sahaja) 2. Cuci/gosok hanpis dengan <i>wipes</i> untuk membersihkan sisa-sisa yang terlekat pada hanpis. 3. Semburkan minyak hanpis ke dalam hanpis. 4. Sterilkan / disinfeksikan hanpis.(Rujuk WPKL-BKP(G)-AK4 Kawalan Jangkitan Silang) 5. Simpan dalam tempat bertutup yang bersih dan kering.

WPKL-BKP(G)-AK5 : CARA MENGGUNA DAN MENYELENGGARA ALAT-ALAT PERGIGIAN

DENTAL H/P MAINTAINENCE OIL	
TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
PPP/PPK	<p>A. CARAGUNA</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pastikan minyak dan cecair pembersih cukup pada <i>gauge ssistina</i> 2. Hidupkan kompresor. 3. Keluarkan <i>adaptor / coupling</i> dari laci bawah <i>Assistina</i> pasangkan hanpis yang telah dibersihkan dengan <i>wipes</i> kepada adaptor 4. Tolak penutup <i>Assistina</i> ke bawah dan pasangkan adaptor dengan kepala hanpis hala ke bawah pada attachment <i>Assistina</i> 5. Letakkan tisu dibawah untuk melihat kekotoran pada hanpis jika ada 6. Tutup semula penutup – mulakan operasi mengikut manual yang ditetapkan 7. Keluarkan hanpis apabila telah selesai. 8. Masukkan hanpis kedalam <i>pouch</i> sebelum autoklaf. 9. Bersihkan alat dengan kain <i>lint</i>. <p>Rujuk : Buku Panduan Manual Pengeluar</p>
PP/JT/JP/PPP/ PPK	<p>B. PENYELENGGARAAN</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pembersihan luar dan bahagian dalam penutup perlu dilakukan dengan kain <i>lint</i> dan agen pembersih.

AUTOKLAF	
TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
PP/JP/PPP/PPK	<p>A. CARAGUNA</p> <ol style="list-style-type: none"> Masukkan air suling ke dalam tangki hingga ke paras maksima mengikut tanda dalam tangki air. (Pastikan kebersihan tangki sebelum mengisi air) Pastikan semua peralatan yang hendak disteril telah dibersihkan. Susun peralatan di atas ceper dan masukkan ke dalam autoklaf. Jangan sesekali meletakkan terlalu banyak peralatan diatas ceper. Pasang <i>plug</i> autoklaf dan tekan <i>Power</i> suis diautoklaf. Tutup pintu autoklaf. Pilih program mengikut kaedah pensterilan / Manual Autoklaf Tunggu sampai proses pensterilan selesai. Buka pintu autoklaf. Tekan <i>power</i> suis <i>OFF</i> dan suis utama autoklaf. Selepas 5 minit gunakan pemegang ceper untuk mengangkat ceper daripada autoklaf. Berhati-hati jika peralatan diperlukan serta merta kerana ia masih panas. Keringkan pintu <i>gasket</i> dan air lebihan dalam <i>chamber</i> dengan kain <i>lint</i> yang bersih. Cuci tangki dan tukar air suling setiap minggu.
PPP/PPK	<p>B. LOG PENGGUNAAN AUTOKLAF</p> <ol style="list-style-type: none"> Log perlu dikemaskini oleh petugas setiap kali autoklaf digunakan dan perlu diasingkan mengikut bilangan autoklaf di fasiliti. Dummy cycle untuk setiap autoklaf perlu dijalankan seminggu sekali sebelum autoklaf digunakan untuk pensterilan. Rekod dan lengkapkan borang Log Penggunaan Autoklaf setiap kali penggunaan didalam BK 12A Log Penggunaan Autoklaf Rekod ini perlu disahkan oleh Penyelia / Surgery Manager / Pegawai Pergigian Yang Menjaga secara mingguan dan hujung bulan.
PP/JT/JP/PPP/ PPK	<p>C. PENYELENGGARAAN</p> <p>Penyelenggaraan Harian</p> <ol style="list-style-type: none"> Masukkan air suling ke dalam tangki Pastikan paras air dalam tangki berada pada paras maksimum sebelum memulakan pensterilan

WPKL-BKP(G)-AK5 : CARA MENGGUNA DAN MENYELENGGARA ALAT-ALAT PERGIGIAN

AUTOKLAF	
TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
JT	<p>3. Bersihkan <i>tray</i>, rak,<i>chamber</i>, tangki, getah <i>gasket</i> pintu tekanan serta bahagian luar autoklaf</p> <p>4. Gantikan semua air suling dalam tangki seminggu sekali.</p> <p>Rekod di dalam WPKL-BKP(G)-SS7 - Senarai Semak Penyelenggaraan Autoklaf</p>
	<p>Penyelenggaraan 6 Bulan Sekali (Jika tidak diselenggara pihak konsesi)</p> <p>1. Periksa <i>seal</i> pintu autoklaf.</p> <p>2. Periksa <i>safety valve</i> dan <i>pressure door lock</i>.</p> <p>3. Uji pakai autoklaf.</p>
JT	<p>Pengesahan JKPP</p> <p>1. Pastikan autoklaf mendapat pemeriksaan oleh pihak JKPP 15 bulan sekali dan mendapat Sijil Perakuan Kelayakan Dandang Stim.</p>
PPP/ PPK bertanggungjawab	<p>D. UJIAN PEMONITORAN AUTOKLAF</p> <p>i. Ujian <i>Efficacy</i> Autoklaf Melalui Cara Biologikal (<i>Attest Biological</i>) (2 Minggu Sekali)</p> <p>1. Periksa:</p> <ol style="list-style-type: none"> tarikh luput semua indikator yang akan digunakan. samaada indikator yang digunakan adalah dari kotak yang sama / tiub indikator berubah warna atau retak pada tiub. <p>2. Buat label pada indikator mengikut kod pada autoklaf dan tarikh.</p> <p>3. Masukkan indikator ke dalam autoklaf bersama alat yang lain.</p> <p>4. Pastikan indikator di letakkan di kawasan kritikal dalam autoklaf :</p> <ol style="list-style-type: none"> poin air keluar-masuk dalam <i>pack</i> peralatan <p>5. Keluarkan indikator dari autoklaf.</p> <ol style="list-style-type: none"> Periksa tiub jika terdapat keretakan atau perubahan warna pada medium pertumbuhan. Sejukkan indikator ke suhu bilik. <p>6. Pecahkan ampul gelas setiap indikator dengan memasukkannya ke dalam inkubator (Lihat Panduan di bahagian luar).</p> <p>7. Masukkan indikator ke dalam inkubator pada suhu $56^{\circ}\text{C} + 2^{\circ}\text{C}$</p> <p>8. Masukkan indikator kontrol ke dalam inkubator (ampul yang tidak diautoklaf). Indikator diinkubut mengikut arahan pengeluar .</p> <p>9. Periksa perubahan warna pada indikator secara berkala, setiap selepas,</p>

WPKL-BKP(G)-AK5 : CARA MENGGUNA DAN MENYELENGGARA ALAT-ALAT PERGIGIAN

AUTOKLAF	
TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
	<p>12 jam hingga 48 jam;</p> <p>a. Perubahan warna dari warna ungu ke warna kuning ialah keputusan positif : pembasmian kuman tidak efektif.</p> <p>b. Jika tidak terdapat perubahan warna ,keputusan adalah negatif : pembasmian kuman efektif.</p> <p>10. Indikator kontrol akan menunjukkan perubahan warna dari warna ungu ke warna kuning. Maklumkan pengguna autoklaf keputusan indikator biologinya.</p>
<p>PPP/ PPK bertanggungjawab</p>	<p>A. Jika keputusan positif; hendaklah mengambil tindakan memeriksa bungkusan alat, susunan dan amaun alat, dan fungsi autoklaf itu sendiri</p> <p>a. Buat laporan untuk pembaikan autoklaf.</p> <p>b. Catat dalam WPKL-BKP(G)-BK12 - <i>Rekod Pemonitoron Biologikal Autoklaf</i></p> <p>B. Penghapusan indikator</p> <p>Indikator kontrol dan indikator positif disterilkan semula dalam autoklaf yang berfungsi. Ia kemudian dimasukkan ke dalam <i>sharps container</i> untuk pembakaran (<i>incineration</i>).</p> <p>Indikator negatif dimasukkan terus ke dalam <i>sharps container</i> .</p> <p>Rujuk Nota Manual <i>Attest 1261 Biological Indicator</i> dan “<i>Attest “Steam Incubator”</i> atau Manual <i>Biological Indicator</i> berkaitan yang digunakan</p>
<p>PPP/ PPK bertanggungjawab</p>	<p>ii. Ujian Efficacy Steam Autoklaf Secara Kimia - Helix Test/ -Arahan Umum (1 Minggu Sekali)</p> <p>1. Masukkan <i>strip indicator</i> ke dalam <i>reservoir / Helix device</i></p> <p>2. Letakkan <i>reservoir / Helix device</i> ke dalam kebuk (<i>chamber</i>) autoklaf bersama peralatan dikedudukan yang sesuai.</p> <p>3. Jalankan autoklaf satu kitaran (cycle) lengkap atau kitaran spesifik (jika ada).</p> <p>4. Setelah lengkap satu kitaran, keluarkan <i>reservoir / Helix device</i> untuk mendapatkan keputusan ujian.</p> <p>5. *Hasil Ujian : LULUS jika terdapat perubahan warna yang menyeluruh pada <i>strip indicator</i>; GAGAL jika perubahan wara tidak sekata pada <i>strip indicator</i>.</p> <p>*rujuk manual pengeluar</p> <p>6. Catat hasil ujian pada borang kualiti yang berkaitan.</p> <p>Jika ujian GAGAL; maklumkan pada JT untuk urusan bersama</p>

WPKL-BKP(G)-AK5 : CARA MENGGUNA DAN MENYELENGGARA ALAT-ALAT PERGIGIAN

AUTOKLAF	
TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
	pengeluar/vendor untuk pembaikan autoklaf. Rekod didalam WPKL-BKP(G)-BK 12 Rekod Pemonitoran Autoklaf

LIGHT CURE UNIT	
TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
JT/JP/PPP/PPK	A. CARAGUNA

WPKL-BKP(G)-AK5 : CARA MENGGUNA DAN MENYELENGGARA ALAT-ALAT PERGIGIAN

	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pasang <i>plug</i>. 2. <i>On</i> suis utama dan suis unit. 3. Pilih jangka masa (dalam saat) yang diperlukan mengikut arahan pengeluar. 4. Dengan menggunakan pelindung cahaya UV, tuju penghujung pistol ke arah gigi untuk dipancar dan tekan butang di pistol. 5. Cahaya pempolimeran akan memancar selama masa yang dipilih. 6. Selepas diguna, <i>Off</i> suis unit dan suis utama. 7. Disinfeksi antara setiap pesakit dengan <i>wipes</i> <p>Nota : Buku <i>Manual Light Cure Unit</i></p>
JT/JP/PPP/PPK	<p>B. PENYELENGGARAAN</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pasangkan suis di bahagian tepi unit. Bacaan seharusnya “ 0” . 2. Aktifkan cahaya pempolimeran sekurang-kurangnya untuk 30 saat sebelum mengambil bacaan <i>output</i>. 3. Letakkan hujung rod cahaya serapat mungkin dibahagian permukaan yang ditetapkan. 4. <i>Meter Cure Rite</i> bercirikan <i>High Latch</i> yang unik akan merekod dan memaparkan bacaan <i>output</i> tertinggi. 5. Rekodkan bacaan ini sebagai perbandingan di masa hadapan 6. Untuk bacaan baru, tutup dan pasang semula suis untuk menghapuskan bacaan yang terdahulu. 7. TERJEMAHAN KEPUTUSAN. <u>Rujuk kepada manual pengeluar</u> 8. Rekod WPKL-BKP(G)-SS6 - Senarai Semak Penyelenggaraan <i>Light Cure Unit</i> . <p>Ujian Dan Penentukuran (Dengan Menggunakan Meter ‘Cure Rite’) 6 Bulan Sekali</p>
	<p>MENGGANTI BATERI METER</p>
	<p>Unit ini menggunakan bateri 9V. Jika perkataan “low bat” dipaparkan di skrin LCD atau unit ini gagal berfungsi, tukarkan bateri.</p>

UNIT PERGIGIAN	
TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
	A. CARAGUNA

UNIT PERGIGIAN	
TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
PP/JP/PPP/PPK	<p>i. UNIT PERGIGIAN TETAP (<i>DENTAL CHAIR CUM UNIT (DCCU)</i>)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. <i>On</i> suis utama <i>compressor</i> dan tutupkan <i>valve</i> kompresor. 2. Disinfeksikan unit dengan <i>wipes</i> atau bahan <i>disinfectant</i> yang disyorkan oleh pembekal. 3. Pasangkan hanpis. 4. Isikan botol plastik dengan air suling . 5. Pasangkan penyedut liur (<i>saliva ejector</i>) pakai buang 6. <i>On</i> suis utama dan suis unit. 7. <i>On</i> suis <i>suction motor</i> . 8. Isikan <i>tumbler</i> dengan air 9. <i>On</i> pembersih spittoon 10. Pilih kedudukan kerusi yang sesuai setelah pesakit duduk. 11. <i>On</i> lampu dan posisikan lampu dengan betul. 12. Pasangkan bur ke dalam hanpis, pasang skaler dan skaler <i>tip</i> mengikut keperluan rawatan pesakit. 13. Selepas rawatan, kembalikan kedudukan kerusi, buang sisa klinikal dan disinfeksikan/ sterilkan peralatan yang telah pakai 14. Selepas habis merawat semua pesakit, atau pada akhir hari, tutup suis kompresor dan buka <i>valve</i> kompresor untuk mengeluarkan angin. 15. Keluarkan semua hanpis untuk pensterilan / disinfeksi. 16. Untuk cara menggunakan unit pergigian mengikut buatan spesifik, Rujuk Buku Manual Unit Pergigian.
PP/JP/PPP/PPK	<p>ii. UNIT PERGIGIAN MUDAH ALIH (<i>PORTABLE DENTAL CUTTING UNIT (PDCU)</i>)</p> <p>Sebelum Mula Rawatan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Periksa air dalam tangki. 2. Tambah air suling 3. Tutup <i>valve</i> kompresor. 4. <i>On</i> suis kompresor jika berasingan dari unit. 5. Pasang hanpis (<i>low speed</i> dan <i>high speed</i>).

UNIT PERGIGIAN	
TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
	<ol style="list-style-type: none"> 6. Pasang <i>Plug On</i> suis utama. 7. Tunggu tekanan (yang ditunjukkan dalam meter tekanan) naik ke tahap yang ditentukan oleh pembekal. 8. Pasangkan bur pada hanpis. 9. Uji perjalanan hanpis. Pastikan air keluar dan bur berpusing dengan lancar selama 20 – 30 saat. 10. Disinfek unit, ejektor air dan angin serta hanpis dengan <i>wipes</i> 11. Mula penggunaan unit mudah alih. 12. Di antara pesakit pastikan <ol style="list-style-type: none"> a. Bur ditukar dan rendam dalam disinfektan. b. Disinfek hanpis dengan <i>wipes</i> <p>Rujuk Buku Manual Unit Pergigian Mudahalih</p> <p>Selepas Rawatan Pesakit Terakhir.</p> 13. Keluarkan bur dan tanggal handpis dari unit. Steril hanpis dan disinfek bur dalam disinfektan. 14. <i>Off</i> suis unit dan kompresor. 15. Buka <i>valve</i> kompresor, keluarkan angin. 16. <i>Off</i> suis utama. Tanggalkan plug.
JP/PPP/PPK	<p>B. PENYELENGGARAAN UNIT PERGIGIAN</p> <p>Penyelenggaraan Harian Unit Pergigian</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kompresor <ol style="list-style-type: none"> a) Pagi: <ul style="list-style-type: none"> • Pasangkan 3 pin plug • <i>on</i> suis • Kunci <i>drain valve</i> pada kompresor b) Petang : <ul style="list-style-type: none"> • Buka kunci <i>drain valve</i> dan biarkan angin keluar berserta air • <i>Off</i> suis • cabutkan 3 pin plag 2. Vakum / Monojet (Jika ada) - Biarkan ia menyedut air bersih sekurang-kurangnya 2 <i>tumbler</i> selepas digunakan

UNIT PERGIGIAN	
TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
	<ol style="list-style-type: none"> 3. Saliva Ejector - Biarkan ia menyedut air bersih sekurang-kurangnya 2 <i>tumbler</i> setiap pesakit. 4. <i>Catani</i> - Bersihkan dengan air yang mengalir atau <i>soft detergent</i> selepas tamat rawatan. Sebaik baiknya biarkan air mengalir ketika rawatan 5. Bekas Air (jika ada) - Tambah dengan air suling bila perlu. 6. Unit dan kerusi pergigian <ol style="list-style-type: none"> a) Bersihkan semua kesan kotoran dengan air atau <i>soft detergent</i> b) Akhir sekali naikkan kerusi ketinggian maksima supaya air dapat mengalir dengan lancar dan tidak bertakung pada saluran <p>Penyelenggaraan Mingguan Unit Pergigian</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Filter vakum (jika ada) - Bersihkan filter pada tangki 2. Tangki vakum (jika ada) - Bersihkan dan tuangkan 4 hingga 5 liter air untuk pastikan semua injap bersih 3. <i>Dental light</i> dan <i>reflection panel</i> - Lap dengan kain lembut dan kering <p>Rujuk</p> <ul style="list-style-type: none"> • WPKL-BKP(G)- SS10 - Senarai Semak Penyelenggaraan <i>Dental Chair Cum Unit</i> • WPKL-BKP(G)- SS9 - Senarai Semak Penyelenggaraan Unit Pergigian Mudahalih

WPKL-BKP(G)-AK5 : CARA MENGGUNA DAN MENYELENGGARA ALAT-ALAT PERGIGIAN

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
PPP/PPK	<p>A. CARAGUNA</p> <ol style="list-style-type: none">1. Letakkan amalgamator diatas dulang <i>stainless steel</i> dan ditempatkan ditempat yang besesuaian – mematuhi kehendak Pengendalian Penggunaan Amalgam.2. Pastikan penghadang bancuhan amlagamator dibuka dan bekas kapsul amalgam diletakkan ditempat bancuhan amalgam dengan betul bagi mengelakkan tercabut daripada pemegang.3. Pastikan penghadang bancuhan amalgam ditutup semula bagi mengelak daripada tercampak keluar.4. Pastikan putaran bancuhan amalgam mengikut masa yang ditetapkan.5. Tekan bahagian tombol untuk mengeluarkan bekas kapsul amalgam daripada pemegang6. Patahkan kapsul untuk mengeluarkan bancuhan7. Membersihkan amalgamator dengan kain lembut <p>Nota : kapsul baru perlu ditekan dahulu untuk campuran berlaku sebelum masuk dalam penghadang</p>
	<p>PENYELENGGARAAN</p> <ol style="list-style-type: none">1. Membersihkan amalgamator dari sisa amalgam

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
PPP/PPK	<p>A. CARAGUNA</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pastikan unit diletakkan di permukaan rata. 2. Pasangkan suis di belakang unit dan buka penutup di bahagian atas. 3. Tentukan masa bancuhan mengikut arahan pengguna. 4. Masukkan serbuk alginat dalam bekas bancuhan plastik dan tambahkan air mengikut sukatan yang disyorkan. <ol style="list-style-type: none"> a. Penggunaan air ais/sejuk disyorkan untuk mengelakkan masa pengesetan alginat menjadi singkat kerana haba yang terhasil akibat bancuhan pada kelajuan tinggi. 5. Tutup bekas bancuhan dengan penutup yang disediakan. 6. Pusingkan bekas beberapa kali mengikut putaran jam untuk mencampurkan bancuhan dan masukkan dalam alginat mixer. Tutup kembali unit. 7. Tekan butang 'START' dan proses bancuhan bermula. <ol style="list-style-type: none"> a. Alat tidak akan berfungsi jika penutup masih terbuka. b. Jika perlu menghentikan bancuhan tekan butang 'STOP' 8. Buka penutup hanya selepas proses bancuhan berhenti sepenuhnya dan keluarkan bekas bancuhan plastik. 9. Gunakan hanya spatula plastik yang disediakan untuk mengeluarkan alginat untuk mengelakkan kerosakkan pada bekas tersebut. <p>Peringatan:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Unit tidak boleh beroperasi tanpa alginat dalam bekas bancuhan untuk mengelakkan ketidakseimbangan. b. *Pastikan suis ditutup bila tidak digunakan <p>Rujuk Buku Manual Automatic Alginate Mixer</p>
	<p>PENYELENGGARAAN</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Membersihkan alginat mixer dengan kain lembut dari alginat

WPKL-BKP(G)-AK5 : CARA MENGGUNA DAN MENYELENGGARA ALAT-ALAT PERGIGIAN

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
PP/JT/JP/PPP/PPK	<p>Di lakukan setiap 6 bulan dengan membuat perbandingan di antara termometer klinik dan termometer Induk (mengikut zon masing-masing)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Masukkan termometer induk dan termometer klinik berdekatan dalam keadaan tegak di tengah-tengah peti sejuk. 2. Tutup pintu peti sejuk. 3. Biarkan kesemua termometer sepanjang hari didalam peti sejuk.(contoh 8.00pagi – 4.00 petang) 4. Buka peti sejuk. Ambil dengan pantas bacaan semasa termometer Induk dan termometer klinik. 5. Catat bacaan pada borang verifikasi. Jika bacaan mematuhi ketepatan pengukuran yang ditetapkan maka termometer klinik berada dalam keadaan baik serta boleh di gunakan. (berada dalam julat ralat yang ditetapkan (+- 2°C atau rujuk manual termometer) 6. Keluarkan termometer induk dari peti sejuk dan tekan butang reset. Simpan termometer induk semula.

VERIFIKASI ALAT PENIMBANG BERAT (DIGITAL)	
TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
PP/JT/JP/PPP/PPK	<p>Di lakukan setiap 6 bulan dengan menggunakan <i>calibrated test weight</i> 5 kg (mengikut zon masing-masing)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pastikan penimbang berat diletakkan di atas lantai dengan permukaan yang rata 2. Timbang subjek 1. Catat bacaan berat 3. Timbang subjek 1 bersama <i>calibrated test weight</i> 5 kg. Catat bacaan berat dan kira julat. 4. Ulang perkara 2 dan 3 pada subjek 2. 5. Catat status penimbang berat dan lengkapkan borang verifikasi. 6. Sekiranya alat penimbang telah rosak, majukan permohonan baru.